

## **Pavilion NCER di MIHAS Meterai Memorandum Bernilai Lebih RM3.95 juta**

**Kuala Lumpur, 17 September 2024** – Sebanyak empat buah syarikat di bawah Pavilion Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) di Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) berjaya memeterai memorandum persefahaman dan perjanjian perniagaan bernilai lebih RM3.95 juta.

Kerjasama perniagaan utama yang berjaya dibentuk adalah melibatkan Fikrisz (M) Sdn Bhd (Fikrisz) dengan NOSCAMUN Co Ltd bernilai RM1.95 juta yang membolehkan syarikat berkenaan mengembangkan eksport produk kopi ke pasaran Halal ke Korea Selatan.

Noscamun Co Ltd merupakan pemilik rangkaian kafe pelancongan halal di Pulau Jeju selain merupakan pengedar serta pembekal produk makanan dan minuman (F&B) Halal kepada Pusat Pameran Gangnam di Seoul, di mana produk Fikrisz bakal dipamerkan.

Memorandum lain yang turut dimeterai adalah melibatkan DMI Premier dengan tiga buah syarikat berasingan iaitu BJY Co. Ltd dari Korea Selatan, BIOTECNOVA dan AL HASQA dengan nilai keseluruhan sebanyak RM1.5 juta diikuti perjanjian antara APP Food Industries dengan BIOCELL NATURE dan KPL FOODS dengan SHRIYO VENTURE.

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Mohamad Haris Kader Sultan berkata Pavilion NCER di MIHAS telah berjaya mencapai matlamatnya untuk membawa produk-produk syarikat tempatan menerokai pasaran antarabangsa selain perluasan pasaran tempatan.

“Kejayaan syarikat seperti Fikrisz dan DMI Premier menerokai pasaran Korea Selatan akan menjadi pembakar semangat kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) lain di Pavilion NCER untuk meningkatkan daya saing bagi merebut peluang yang terhidang sepanjang MIHAS berlangsung.

“Produk Halal Malaysia sentiasa mendapat permintaan tinggi di pasaran dunia, namun untuk memanfaatkan peluang ini, PMKS perlu memiliki strategi pemasaran dan perancangan perniagaan yang betul. Oleh itu, NCIA komited untuk terus membimbing mereka dan meningkatkan rangkaian hubungan perniagaan dengan pembeli berpotensi,” jelas beliau.



Pavilion NCER di MIHAS yang berlangsung dari 17 hingga 20 September ini melibatkan penyertaan sebanyak 12 buah syarikat dari wilayah utara yang merangkumi perniagaan seperti produk kosmetik, kesihatan, pelancongan dan perkhidmatan.

Mohamad Haris berkata, NCIA sentiasa komited untuk memperkukuh ekosistem perniagaan di wilayah utara melalui program-program strategik selaras dengan Pelan Pembangunan Strategik NCER.

“Penyediaan ekosistem perniagaan yang mantap amat penting bagi memastikan setiap sektor ekonomi mampu beradaptasi dan berevolusi seiring dengan perkembangan pesat ekonomi tempatan dan antarabangsa.

“Ini secara tidak langsung dapat merancakkan pengembangan perniagaan ke kawasan-kawasan kurang membangun dan seterusnya memacu pembangunan ekosistem perniagaan yang lebih menyeluruh bukan sahaja di NCER, malah ke seluruh negara,” jelas Mohamad Haris.

Untuk maklumat lanjut mengenai NCER, sila layari laman sesawang NCER di [www.ncer.com.my](http://www.ncer.com.my).

**-TAMAT-**

**UNTUK MAKLUMAN EDITOR:**

**Berkenaan NCIA**

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Koridor Utara Pelaksanaan 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju dan untuk merangka dasar dan strategi menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economic Region (NCER). NCER merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis; dan diketuai oleh Encik Mohamad Haris Kader Sultan selaku Ketua Eksekutif.

NCIA akan terus memacu evolusi NCER ke arah menjadi rantau sosioekonomi kelas dunia dengan memangkinkan dan melaksanakan program pembangunan nilai tambah dalam inisiatif-inisiatif strategik berimpak tinggi, terutamanya melalui Sektor Pembuatan, Sektor Perniagaan Tani, Sektor Petrokimia, Sektor Perlombongan, Sektor Ekonomi Hijau, dan Sektor Perkhidmatan (termasuk Pelancongan, Logistik dan Perhubungan; serta Ekonomi Digital).

Sila hubungi:

<p><b>En. Fairus Kassim</b> Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat NCIA E-mel: <a href="mailto:fairus@ncer.com.my">fairus@ncer.com.my</a> No Tel: + 019-3272507   GL: + 604-502 0708</p>	<p><b>En. Ariff Ahmad</b> Ketua Jabatan Komunikasi Korporat NCIA E-mel: <a href="mailto:ariffahmad@ncer.com.my">ariffahmad@ncer.com.my</a> No Tel: + 016-3288944   GL: + 604-502 0708</p>
--	---